

14 NOV 1996  
Mahathir-Ananda  
PM MEMUJI ANANDA KRISHNAN

Oleh: Azman Ujang

KOUROU, French Guiana, 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memuji usahawan Malaysia T.Ananda Krishnan kerana meceburi bidang satelit yang mencabar dan sesuatu yang baru bagi negara ini.

Beliau berkata, Ananda mengambil langkah berani untuk menerokai bidang perniagaan yang baru itu walaupun kosnya tinggi dan pulangnya pula agak perlahan.

Dr Mahathir memberi pujian kepada Ananda selepas pelancaran Measat 2, iaitu satelit kedua Malaysia milik Binariang Sdn.Bhd yang majoriti sahamnya dimiliki oleh Ananda di Pusat Angkasa Lepas Kourou di sini.

Ananda yang bermula sebagai pedagang minyak dianggap sebagai orang terkaya di negara ini tetapi beliau jarang menonjolkan diri.

Bercakap dalam persidangan berita selepas pelancaran satelit itu, Dr Mahathir berkata: "Ananda Krishnan bermula sebagai pedagang minyak tetapi kini telah pulang ke tanah air".

"Perniagaan satelit memerlukan wawasan, keberanian dan keyakinan. Beliau membuat sumbangan yang penting kepada Malaysia kerana beliau bukan sahaja meletakkan satelit dalam angkasa tetapi yang lebih penting menjual kemudahan dan perkhidmatannya," kata beliau.

Dengan pelancaran Measat 2 hari ini, Binariang telah melancarkan dua satelit bernilai RM600 juta tahun ini.

Ia merupakan komitmen bagi merevolusi industri komunikasi dan penyiaran dan ini boleh dilihat daripada pelaburan RM4.1 bilion untuk tempoh lima tahun bermula tahun ini.

Perdana Menteri berkata, "pelancaran satelit-satelit itu akan membolehkan rakyat Malaysia mengikuti perkembangan terkini dunia media dan maklumat yang sangat penting dalam persekitaran hari ini".

Ananda yang turut hadir berkata, beliau gembira kerana industri yang beliau ceburi itu membolehkan rakyat Malaysia menikmati teknologi canggih, khususnya dalam kawalan Measat di stesen kawalannya di Langkawi.

Beliau berkata, Binariang juga dalam proses membeli satelit ketiganya yang dijangka dapat beroperasi pada 1998. -- BERNAMA

AU PR